NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

# FYi

NIOSH
National Institute of Occupational Safety and Health

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
July 2019:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*



FYi

JULY 2019
eISSN 2672-7412

## Editor's Note

The implementation of Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) in organisations is aimed to reduce the risks related to the Occupational Safety and Health or OSH by reducing accidents and improving the productivity, safety and health of employees. OSHMS have been recognised as a tool to effectively manage occupational risk. However, the application of a management system for OSH goes beyond fundamental risk management, instead it is a holistic approach in OSH. The need for the development of a system for OSH in the workplace is to assist organisations to comply with the Occupational Safety and Health Act 1994, section 15 (2), which stated "the duty of every employer and every self-employed person includes, the provision and maintenance of plant and systems of work that are, so far as is practicable, safe and without risks to health" (Occupational Safety and Health Act Malaysia, 1994).

In essence, there is a duty to provide a safe system of work for everyone at work which includes the layout, the training, supervision, the provision of warning, personal protective clothing, special instruction and methods of work adopted. In Malaysia, OSHMS requirements introduced in the country are the Malaysian Standard (MS) 1722:2011 and the international standard Occupational Health and Safety Assessment Series 18001:2007 or OHSAS and the latest one ISO 45001, Occupational health and Safety Management System. Enjoy the articles for this month, we have 'created information' to help you know about OSHMS!

Regards,
*Ayop Salleh*
*Executive Director*

**PUBLISHER**

- NIOSH

# Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja

*Azhar Ahmad,*
*Pakar III,*
*Bahagian Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan NIOSH.*









Peningkatan kes-kes kemalangan di tempat kerja melibatkan kematian, hilang upaya sementara atau pun kekal, kecederaan dan penyakit di tempat kerja menyebabkan wujudnya tindakan untuk membangunkan satu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang sistematik.

Pengurusan proaktif keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dapat membantu organisasi mencegah kemalangan di tempat kerja. Menurut laporan ILO 2019, 2.78 juta maut setiap tahun akibat daripada kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan. Di samping itu, terdapat 374 juta lagi pekerja mengalami kemalangan pekerjaan setiap tahun yang tidak membawa maut. Rentetan daripada jumlah kemalangan ini, kos kemalangan di tempat kerja ini secara global mewakili hampir 4 peratus daripada KDNK dunia.

**Sejarah standard sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan**

Terdapat beberapa standard yang menjadi rujukan dalam perlaksanaan sistem pengurusan dan kesihatan pekerjaan yang lebih sistematik dan komprehensif. International Labour Organisation (ILO) yang berpengkalan di Geneva telah membangunkan satu garispanduan yang dikenali sebagai “Guidelines on Occupational Safety and Health Management System” atau ILO/OSH 2001 yang telah diterbitkan pada tahun 2001 hasil daripada persetujuan antarabangsa. Garispanduan yang dibangunkan berpaksikan prinsip W. Edwards Deming ini menyediakan pendekatan pembangunan berterusan budaya keselamatan dan kesihatan kepada organisasi. Pada tahun 1999, British Standard Institute (BSI) telah menerbitkan BS 8800 “Guide to Occupational Health and Safety Management System” manakala pada tahun 2003, Malaysia mengadaptasi ILO/OSH Guidelines 2001



ini menjadi standard kebangsaan yang dikenali sebagai MS 1722:2003 Part1. Pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bertindak sebagai "Standard Writing Organization" (SWO) bagi piawaian tersebut, seterusnya garispanduan ini menjadi standard Malaysia MS1722:2011.

Standard ini dibangunkan selaras dengan objektif yang digariskan dalam "Management of Health and Safety at Work Regulation 1992" UK. BS 8800 berkongsi struktur dan konsep asas penilaian risiko dan pengurusan ISO 14001 untuk sistem pengurusan alam sekitar. Namun begitu, standard ini tidak menyediakan dokumen spesifikasi bagi proses mendapatkan persijilan. Sehubungan dengan itu, BSI dengan kerjasama beberapa badan akreditasi beberapa Negara di dunia termasuk Malaysia, Afrika Selatan dan Ireland telah berjaya membangunkan satu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dikenali sebagai OHSAS 18001. OHSAS 18001 bukanlah standard antarabangsa ataupun kebangsaan tetapi merupakan standard "voluntary" yang boleh dipersijilkan. Sistem pengurusan ini mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2001.

Selepas hampir 20 tahun standard OHSAS 18001 serta standard Malaysia MS1722:2011 dijadikan panduan perlaksanaan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia, satu standard baru mula diperkenalkan pada Mac 2018 iaitu ISO 45001 menggantikan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang sedia ada. Standard ini dibangunkan berdasarkan rujukan kepada OHSAS 18001, standard dari pelbagai Negara, resolusi daripada ILO konvensyen dan garispanduan daripada International Labor Organisation. Standard ini dapat membantu organisasi untuk menambahbaik keselamatan pekerja, mengurangkan risiko di tempat kerja dan mewujudkan keadaan tempat kerja yang lebih selamat, sihat dan kondusif. Standard yang dibangunkan menjadi asas kepada pembangunan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada organisasi.
Standard ISO 45001 memberi fokus yang lebih besar kepada tanggungjawab kepimpinan dan penglibatan pekerja dalam setiap keperluan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Sistem ini juga menekankan keperluan bahawa pengurusan KKP perlu diintegrasikan dalam setiap proses dan kaedah kerja organisasi secara keseluruhan. Standard ini juga menekankan keperluan untuk pihak organisasi berfikir tentang peluang dan risiko bagi menjamin kelestarian sistem pengurusan.

**Objektif pengurusan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan**

Objektif Pengurusan KKP antara lain adalah :

1. Di peringkat pekerja : Mewujudkan perlindungan kepada pekerja terhadap hazard, mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan.

2. Di peringkat organisasi: melancarkan dan memotivasikan semua ahli agar melaksanakan prinsip pengurusan dan kaedah yang menjamin penambahbaikan berterusan dalam pencapaian KKP.

3. Menyediakan garispanduan dalam mengintegrasikan elemen sistem pengurusan KKP sebagai sebahagian daripada dasar pengurusan organisasi.

## Model pengurusan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Pengurusan KKP menerusi piawaian OHSAS 18001 dan ISO 45001 adalah berdasarkan konsep Deming iaitu Plan, Do, Check dan Act (PDCA). Berdasarkan kepada konsep tersebut, model pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan boleh dilaksanakan seperti berikut.

**Model pengurusan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan**




## Manfaat melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan membolehkan organisasi menambahbaik Prestasi KKP di tempat kerja dengan cara:

- membangunkan dan melaksanakan dasar dan objektif KKP
- membangunkan proses yang sistematik dan komprehensif dengan mengambil kira konteks organisasi, keperluan perundangan dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan
- mengenalpasti hazard dan risiko untuk setiap aktiviti dan seterusnya mengawalnya berdasarkan hiraki kawalan risiko
- membangunkan kawalan operasi dengan mengambil kira pengurusan perubahan, keperluan perundangan dan lain-lain keperluan
- meningkatkan kesedaran risiko KKP
- menilai prestasi KKP dan menambahbaik melalui tindakan yang bersesuaian
- memastikan penglibatan dan perundingan pekerja berkaitan KKP

Selain daripada itu dengan kombinasi manfaat-manfaat di atas, ia juga dapat memastikan reputasi dan imej organisasi sebagai tempat kerja yang selamat dapat dipromosi yang seterusnya memberi faedah langsung dari segi:

- mematuhi kehendak dan isu-isu perundangan
- mengurangkan kos keseluruhan insiden
- mengurangkan "downtime" dan kos gangguan operasi
- mengurangkan kos premium insurans
- mengurangkan kadar ketidakhadiran pekerja dan pekerja berhenti
- pengiktirafan kerana mencapai penandaaras peringkat antarabangsa (ini dapat mempengaruhi pelanggan yang menitikberatkan tanggungjawab sosial)

## Kesimpulan

Sistem pengurusan KKP di tempat kerja dapat menjadi satu platform kepada organisasi untuk mengurus KKP dengan cara yang lebih sistematik dan komprehensif. Setiap organisasi di negara ini harus berusaha untuk mencapai persijilan standard seperti ISO 45001 demi memastikan kualiti keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat ditingkatkan. Perlaksanaan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan mempunyai banyak manfaatnya seperti mewujudkan keadaan tempat kerja yang selamat dan bebas daripada penyakit merujuk kepada persekitaran dan pekerjaan yang dilakukan. Dengan perlaksanaan sistem pengurusan KKP ini juga, tanggungjawab KKP bukan sahaja terletak pada bahu pihak pengurusan sahaja tetapi juga pada setiap pekerja termasuk juga kepada mereka berurusan dengan organisasi tersebut.

# ISO 45001 - Pensijilan Sistem Pngurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan




Pensijilan ISO 45001 – Dapat mengurangkan risiko dan menggalakkan prestasi kesihatan dan keselamatan pekerjaan di sesebuah organisasi.

Matlamat sistem pengurusan KKP adalah menyediakan rangka kerja bagi menguruskan risiko dan peluang KKP. Hasil yang diinginkan dalam sistem pengurusan KKP adalah untuk mencegah kecederaan dan permasalahan kesihatan pekerjaan yang berkaitan dengan pekerja dan menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat; oleh sebab itu, penting bagi sesebuah organisasi menghapuskan hazard dan meminimumkan risiko KKP dengan mengambil pelbagai langkah pencegahan dan perlindungan yang berkesan.

Apabila langkah ini diguna pakai oleh organisasi melalui sistem pengurusan KKP, prestasi KKP organisasi akan bertambah baik. Sistem pengurusan KKP boleh menjadi lebih berkesan dan cekap apabila tindakan awal diambil bagi memanfaatkan peluang untuk memperbaik prestasi KKP.

Pelaksanaan sistem pengurusan KKP yang mematuhi standard ini membolehkan organisasi menguruskan risiko KKP dan memperbaik prestasi KKP. Sistem pengurusan KKP boleh membantu organisasi memenuhi keperluan undang-undang dan keperluan lain.

Standard ini boleh digunakan oleh mana-mana organisasi tanpa mengira saiz, jenis dan aktiviti. Ia boleh digunakan untuk risiko KKP di bawah kawalan organisasi, dengan mengambil kira faktor seperti konteks organisasi beroperasi dan keperluan serta jangkaan pekerjanya dan pihak berkepentingan yang lain.

Pensijilan ISO 45001 adalah audit pihak ketiga yang dijalankan oleh pihak luar atau Badan Pensijilan seperti NIOSH Certification yang mana setelah mengesahkan sesebuah organisasi mematuhi keperluan ISO 45001, mereka akan

dianugerahkan dengan pensijilan ISO 45001. Pensijilan ini sah selama 3 tahun. Walau bagaimanapun, audit pengawasan akan dijalankan setiap tahun selama 2 tahun berturut-turut dan audit pensijilan semula akan dijalankan pada tahun ketiga.

**MS 2530:2013 – PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

Pensijilan MS 2530:2013 – Pensijilan yang mengesahkan bahawa produk sawit yang dihasilkan adalah melalui kaedah yang mampan iaitu tidak mencemarkan alam sekitar, menggunakan kaedah yang selamat dan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP). Pensijilan MSPO diperlukan untuk memastikan produk sawit Malaysia yang dihasilkan adalah mampan dan dapat diterima di pasaran global.

Pensijilan MSPO mampu menangani aspek alam sekitar, sosial, aspek ekonomi pengeluaran minyak sawit dan cabaran berkaitan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam industri yang mematuhi undang-undang Malaysia dan perjanjian antarabangsa.

Terdapat lima jenis standard yang digunakan bagi mendapatkan pensijilan minyak sawit mampan MSPO:

1. MS 2530-1:2015 : Malaysian Sustainable Palm Oil, Bahagian 1: Prinsip Am

2. MS 2530-2:2015 : Malaysian Sustainable Palm Oil, Bahagian 2: Prinsip Am Bagi Pekebun Kecil Persendirian

3. MS 2530-3:2015 : Malaysian Sustainable Palm Oil, Bahagian 3: Prinsip Am untuk Ladang dan Pekebun Kecil Tersusun
4. MS 2530-4:2015 : Malaysian Sustainable Palm Oil, Bahagian 4: Prinsip Am untuk Killang Sawit

5. MSPO SCCS – MSPO Supply Chain Certification Standard, Standard pensijilan Rantaian Bekalan

Pensijilan ini sah selama 5 tahun. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pensijilan ini, audit pengawasan akan dijalankan setiap tahun dan Audit Pensijilan Semula dilakukan setiap lima tahun sebelum tamatnya sijil.

a. Permohonan perkhidmatan
   Organisasi memohon sebutharga dengan mengisi borang permohonan pensijilan dan soal selidik



b. Pengeluaran sebut harga
Kontrak perkhidmatan termasuklah ringkasan yuran bayaran dan kewajiban kontraktual bagi NIOSH Certification dan pihak organisasi. Kitaran Pensijilan adalah selama tiga tahun jika tiada sebarang isu yang timbul.

c. Persetujuan sebutharga
Proses audit akan dijalankan setelah organisasi mendatangani persetujuan sebutharga NIOSH Certification.

d. Audit Peringkat pertama
Audit Peringkat 1 akan dijalankan di premis organisasi dan bertujuan untuk memeriksa dokumetasi adalah memenuhi keperluan standard. Sebahagian daripada proses system pengurusan akan diaudit pada masa ini.

e. Rundingan Pihak Berkepentingan (Terpakai hanya untuk pensijilan MSPO)
NIOSH Certification mengadakan perundingan dengan kumpulan pihak yang berkepentingan untuk mengukur tahap pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan standard. Kumpulan pihak yang berkepentingan ini dapat memberikanmaklumat yang relevan mengenai kepatuhan organisasi terhadap keperluan




Catitan : * Terpakai hanya untuk proses pensijilan MSPO sahaja




persekitaran, sosial dan ekonomi berdasarkan standard pensijilan

f. Audit Peringkat kedua
Tujuan audit peringkat 2 adalah untuk menilai pelaksanaan dan keberkesanan sistem pengurusan organisasi. Audit peringkat 2 wajib dijalankan di lokasi organisasi.

g. Proses Peer Review
(Terpakai hanya untuk pensijilan MSPO)

Proses ini bertujuan untuk menyemak semula laporan audit NIOSH Certification oleh pakar bebas bagi mendapatkan pendapat kedua mengenai tahap pematuhan unit pengurusan yang berkenaan terhadap pelaksanaan standard pensijilan MSPO

h. Kelulusan Pensijlan
Panel bagi Kelulusan Persijilan akan menyemak dan seterusnya meluluskan cadangan bagi penganugerahan pensijilan.

i. Pengeluaran sijil dan Perjanjian Perkhidmatan
Deraf sijil akan dihantar kepada organisasi untuk pengesahan maklumat. Sijil yang sebenar dan perjanjian perkhidmatan akan diserahkan setelah pembayaran audit dibuat. Sijil adalah sah untuk 3 tahun bagi skim KKP, manakala bagi skim MSPO sijil adalah sah untuk 5 tahun.

j. Pemberitahuan Awam.
(Terpakai hanya untuk pensijilan MSPO)

NIOSHCert menyediakan ringkasan umum laporan akhir audit.

k. Audit Pengawasan

T Tujuan audit pengawasan adalah untuk mengesahkan bahawa sistem pengurusan yang telah dipensijilkan terus dilaksanakan; untuk mempertimbangkan implikasi daripada perubahan yang dicetuskan hasil daripada perubahan dalam operasi organisasi dan mengesahkan pematuhan terhadap keperluan pensijilan. Audit pengawasan akan dijalankan di lokasi audit tetapi tidak perlu menjalankan audit untuk keseluruhan sistem.

Pensijilan KKP: kitaran audit adalah selama 3 tahun. Audit pengawasan akan dijalankan sekurang-kurangnya setahun sekali. Dalam kes-kes tertentu, Audit Pengawasan boleh dijalankan dua kali dalam setahun. Untuk Tahun

Yang pertama Audit Pengawasan akan dijalankan tidak melebihi 12 bulan dari tarikh pensijilan diluluskan. Audit pengawasan akan dijalankan untuk tahun pertama dan kedua sahaja. Audit pensijilan semula akan dijalankan pada tahun ketiga.

Pensijilan MSPO: kitaran audit adalah selama 5 tahun. Oleh itu, audit pengawasan hendaklah dijalankan pada tahun pertama hingga tahun keempat; Audit pensijilan semula pada tahun ke-5.

l. Audit Pensijilan semula
Tujuan audit pensijilan semula adalah untuk memastikan pematuhan yang berterusan dan keberkesanan sistem pengurusan secara keseluruhan. Termasuk memastikan ianya masih dapat digunakan dan relevan dengan skop pensijilan.

**Disediakan oleh:**
NIOSH Certification Sdn. Bhd
7th Floor, NIOSH Tower, Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
+603.8922.1925 (GL)
+603.8911.3995 (DL)
+603.8926.7682
inquiry@nioshcert.com.my
www.nioshcert.com.my
NIOSH Certification Sdn. Bhd



## Pertemuan dan Perbincangan bersama YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Haji Azumu, Menteri Besar Perak

22 Julai 2019 Pertemuan dan perbincangan bersama YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Haji Azumu, Menteri Besar Perak dan delegasi-delegasi NIOSH, turut serta Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye.



Ayop Salleh berada di Pejabat Menteri Besar Perak.



## NIOSH memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Honeywell Engineering Sdn Bhd



Pada 4 Julai 2019, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) tidak lama lagi akan mengemukakan cadangan peralatan pelindung yang diimport ke Kementerian Kewangan untuk pertimbangan rebat cukai. Pengerusi, Tan Sri Lee Lam Thye, yang baru-baru ini mencadangkan agar kerajaan mengurangkan cukai import ke peralatan pelindung atau peralatan pelindung diri (PPE), mengatakan bahawa senarai yang dicadangkan akan dikemukakan kepada Kementerian Perpajakan.

NIOSH telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Honeywell Engineering Sdn Bhd, firma perkhidmatan kejuruteraan dan aeroangkasa global, untuk meningkatkan kesedaran budaya keselamatan di tempat kerja yang menjejaskan pekerja tempatan. MoU itu telah disahkan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH Ayop Salleh dan Pengurus Besar Honeywell (Asean dan ANZ) Raj Singh dan diperhatikan oleh Lee dan Davis.

Honeywell dan NIOSH akan mengambil bahagian dalam seminar latihan, persidangan dan perkongsian pengetahuan mengenai kaedah keselamatan dan kesejahteraan terbaik dalam tenaga kerja yang bertajuk "Rakan untuk memupuk sistem keselamatan di tempat kerja dan untuk menggalakkan kesedaran keselamatan dan kesedaran pekerjaan di Malaysia.

# Majlis Pelancaran Program Pemurnian Pelancongan (P3S) Selangor.






Penghargaan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor kepada jabatan dan agensi yang terlibat di dalam pembangunan garis panduan perancangan premis pelancongan sempena Majlis Pelancaran Program Pemurnian Pelancongan (P3S) Selangor.






# Bengkel Perlindungan Termal dan ARC

Pada 4 Julai 2019, NIOSH menganjurkan 'Bengkel Perlindungan Termal dan ARC' dengan kerjasama Solvay (UK). Sesi bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan dan membangunkan pemahaman di kalangan peserta dalam industri minyak & gas dan tenaga mengenai bahaya haba dan ARC. Ini akan memberi mereka perspektif yang segar dan membina pengetahuan tentang kepentingan pakaian perlindungan peribadi untuk mengurangkan insiden dan kemalangan. Seminar tersebut diadakan di The ZON All Suites Residences on the park KL.

# NIOSH Minat Buka Kampus Baru di Perak



Pada 23 Julai 2019, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berkunjung ke negeri Perak. Kunjungan tersebut diketuai oleh pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye. NIOSH berminat untuk mengembangkan operasinya di Perak ekoran sambutan menggalakkan daripada pihak industri dan sektor awam.

Pembangunan pesat di Perak dan wilayah utara telah mendorong NIOSH untuk mencari tapak yang sesuai untuk kampus baru di negeri ini selepas satu pejabat cawangannya di Manjung yang dibuka pada tahun 2017. Perak mempunyai pelbagai jenis industri yang memerlukan latihan dan perkhidmatan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) malahan dengan adanya kampus tetap dan lebih besar, kami dapat memberikan perkhidmatan kepada sektor swasta dan awam dengan lebih baik. Tan Sri Lee Lam Thye telah mengetuai delegasi NIOSH untuk mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu di pejabatnya di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Semasa pertemuan tersebut, cadangan beberapa lokasi sesuai untuk kampus NIOSH Perak termasuk di Bukit Merah, kerana lokasi kawasan tersebut yang mudah diakses dari Lebuhraya Utara-Selatan dan hampir dengan Taman Perindustrian Kamunting dan kawasan perindustrian lain di Pulau Pinang dan Kedah. Pejabat cawangan NIOSH di Manjung juga akan diperluas bagi menampung permintaan industri dan pelbagai agensi kerajaan di kawasan sekitarnya.

Sejak dibuka pada bulan Januari 2017, pejabat cawangan NIOSH di Manjung telah melatih 9,813 peserta di bawah 443 program latihan termasuk penyelia keselamatan tapak pembinaan, bekerja dalam ruang terkurung serta di tempat tinggi. Anak syarikat NIOSH, NIOSH Certification Sdn Bhd juga telah membantu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak dan Majlis Daerah Manjung, Kampar dan Tanjung Malim untuk mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) manakala beberapa syarikat perladangan di Perak telah menerima Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPSO).

Selain daripada ibu pejabatnya di Bandar Baru Bangi, NIOSH turut mempunyai pejabat wilayah di Johor Bharu, Pulau Pinang, Kerteh, Bintulu dan Kota Kinabalu serta sembilan pejabat cawangan di seluruh negara.

# Lee Lam Thye Terima Anugerah CSR Tertinggi

AKTIVIS Sosial, Tan Sri Lee Lam Thye menerima Anugerah Pencapaian Seumur Hidup (Tanggungjawab Sosial) Anugerah CSR Malaysia 2019 di Kuala Lumpur, hari ini.

Anugerah disampaikan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Hannah Yeoh, pada satu majlis dianjurkan Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemapanan dan Korporat Malaysia (CSR Malaysia) dan Komuniti Lestari Global.

Lee, 73, yang juga Ahli Lembaga Pengarah The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, dipilih menerima anugerah utama itu kerana sumbangan cemerlang beliau dalam meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Beliau juga giat dengan usaha mempromosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan menerusi pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) diterajuinya.

Selain memegang jawatan sebagai Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Yayasan EcoWorld dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), beliau turut menggalas tanggungjawab sebagai Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) serta Penaung Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) Selangor dan Persatuan Psikiatri Malaysia.

Beliau juga adalah Ahli Majlis Keselamatan Aktiviti Air Negara (MKAA), Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental dan Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia.

Beliau gembira menerima anugerah itu dan mendedikasikannya kepada semua rakyat Malaysia yang bekerja keras untuk melaksanakan program CSR mereka. Ia juga mendorong beliau untuk bekerja dengan lebih kuat bagi untuk merealisasikan impian membentuk rakyat Malaysia yang lebih prihatin.

Mengulas lanjut mengenai tanggungjawab sosial katanya, ia bukan inisiatif yang hanya dilakukan sekali sahaja tetapi harus menjadi usaha berterusan dan mapan untuk membantu masyarakat terutama mereka yang kurang bernasib baik. Ia juga akan memberi harapan kepada golongan kurang bernasib baik bahawa masih ada orang yang bersedia untuk membantu mereka.





# CSR award for Star Foundation

Star Media Group disbursed RM18.2mil to help others

In appreciation: Lee handing the CSR Leadership Award 2019 to Siti Hajar. Looking on is Rajendran.

**CSR AWARD FOR STAR FOUNDATION**
Publication:
**The Star**
Date of publication:
**12 July 2019**
Page number: **8**



# Vision Zero concept can cut workplace accidents, says Lam Thye

**VISION ZERO CONCEPT CAN CUT WORKPLACE ACCIDENTS, SAYS LAM THYE**
Publication:
**The Star**
Date of publication:
**23 July 2019**
Page number: **15**



# Occupational safety for Industry 4.0

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman
National Institute of Occupational Safety and Health

**OCCUPATIONAL SAFETY FOR INDUSTRY 4.0**
Publication:
**The Star**
Date of publication:
**3 July 2019**
Page number: **170**



# Patuhi peraturan keselamatan ketika buat liputan

Lam Thye melawat Mohd Azren di hospital swasta di Johor Bahru, malam tadi.

**PATUHI PERATURAN KESELAMATAN KETIKA BUAT LIPUTAN**
Publication:
**Berita Harian**
Date of publication:
**3 July 2019**
Page number: **5**



# Majikan gagal patuhi prosedur keselamatan

**MAJIKAN GAGAL PATUHI PROSEDUR KESELAMATAN**
Publication:
**Utusan Malaysia**
Date of publication:
**3 July 2019**
Page number: **49**

**MENTAL HEALTH IN THE WORKPLACE**
Publication:
**The Star**
Date of publication:
**15 July 2019**
Page number: **20**

**ROCKFALL KILLS WORKER**
Publication:
**News Straits Times**
Date of publication:
**2 July 2019**
Page number: **14**

**PEKERJA KUARI MAUT KENA HEMPAP BATU**
Publication:
**Berita Harian**
Date of publication:
**2 July 2019**
Page number: **22**



# Mental health in the workplace

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)



Excavator operator Loi Thiam Fatt was killed in a rockfall at a quarry in the Sungai Raia district, Simpang Pulai, yesterday.

BURIED UNDER DEBRIS

# ROCKFALL KILLS WORKER

Excavator operator clearing rubble at quarry dies after being struck by large rocks



# Pekerja kuari maut kena hempap batu

# Disclaimer

© Copyright 2019. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved.No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

eISSN 2672-7412

**INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA**
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**
**NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)**
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655 **www.niosh.com.my**

JUBLI PERAK 25 1993-2018 • NIOSH